

Beberapa Percikan Pemikiran Mas Mansur (1918 – 1946)

HUSAIN HAIKAL

ABSTRAK

Kiai Haji Mas Mansur adalah seorang graduan pondok yang berjaya mendapatkan pendidikan tinggi di Azhar. Setelah balik ke Indonesia, tokoh ini banyak berdakwah dan dipilih menjadi pengerusi Muhammadiyah, organisasi pembaharuan Islam di Indonesia. Syarahannya selalu memikat para pendengarnya, kerana beliau selalu mendedahkan Islam berdasarkan dua sumber utamanya, iaitu Quran dan Hadis. Dari ajaran yang bersifat normatif, beliau berjaya menterjemahkannya sehingga ianya menjadi mudah untuk diamalkan dalam realiti duniawi, pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Pemikiran beliau boleh dikategori kepada 1. Agama, 2. Falsafah, 3. Masyarakat dan 4. Kenegaraan.

ABSTRACT

Kiai Haji Mas Mansur was a graduan of pondok, who was able to continue his study at al-Azhar University. After returning to Indonesia, he was known as an activist in dakwah and became a competent leader and led him to become the chairman of Muhammadiyah, a Modernist Islamic Organization in Indonesia. His speeches were always able to attract his audience, because he presented Islam based upon its main sources, al-Quran and Tradition. He presented Islam as practical and easy to be implemented in this worldly life at any time or place. His thought could be distinguished into four categories: 1. Religion, 2. Philosophy, 3. Community and 4. Government.

PENDAHULUAN

Muhammadiyah adalah sebuah organisasi sosial atau kemasyarakatan yang didirikan oleh Kiai Haji Ahmad Dahlan pada 18 November 1912. Muhammadiyah ditubuhkan bertujuan: Menyebarkan ajaran Islam kepada penduduk bumiputera (baca bangsa Indonesia) dan “memajukan pengamalan Islam oleh anggota-anggotanya”. Untuk mencapai tujuan

Sekalipun Ahmad Dahlan memberikan prioriti tertinggi kepada pendidikan (Ahmad Syafii 1987, 67), tetapi aktiviti Muhammadiyah dalam pelbagai kegiatan tabligh telah membuat Muhammadiyah sering disamakan dengan gerakan tabligh dan Ahmad Dahlan merupakan salah seorang tokoh tablighnya. Sejak berusia 15 tahun Sukarno, Presiden Pertama Republik Indonesia, telah berkenalan dengan Ahmad Dahlan. Sukarno mengkagumi Ahmad Dahlan. Petikan berikut menjelaskan hal sedemikian:

Pada suatu hari datanglah di Surabaya almarhum Kiyai Dachlan, mengadakan beberapa tabligh, dan tabligh yang pertama beliau berikan adalah dekat rumah kami di kampung Paneleh dan saya hadir di dalam tabligh itu. Dan segera saya “tertangkap” oleh apa yang dikatakan oleh almarhum Kiyai Dachlan sehingga . . . saya kemudian menghadiri tabligh tabligh di kota Surabaya, kemudian lain tahun masih beberapa kali lagi (Sukarno 1963 [?], 133).

Mas Mansur, sebagaimana juga Sukarno, sama-sama dilahirkan di Surabaya dan sama-sama menjadi para aktivis awal Muhammadiyah. Mas Mansur lahir dan dibesarkan dari keluarga yang taat beragama. Beliau dilahirkan pada hari Khamis 25 Jun 1896 di Kampung Sawahan, yang sekarang dikenal sebagai Kampung Baharu Nur Anwar, Surabaya. Ayahnya bernama Kiai Mas Marzuqi atau Kiai Achmad Marzuki (Soebagijo 1982, 16) yang berasal dari keluarga pendok Sidoresmo Surabaya dan ibunya bernama Raulah. Sejak kecil Mas Mansur dikenali sebagai anak yang halus budibicaranya, hemat, jujur, rajin, suka menolong sesiapa sahaja dan berwawasan luas. Watak kepemimpinannya menonjol sejak beliau berusia remaja (Soebagijo 1982, 172).

MAS MANSUR DAN MUHAMMADIYAH

Pada awalnya Mas Mansur aktif dalam *Taswirul Afkar* (Pemikiran) bersama-sama dengan tokoh-tokoh Islam seperti Abdul Wahab yang kemudian dikenal sebagai salah seorang pengasas dan aktivis utama NU (Nahdhatul Ulama), yang beraliran tradisional. Selama bersama *Taswirul Afkar*, Mas Mansur mendirikan *Nahlatun Wathan* (Kebangkitan Tanah Air) dengan program utamanya dalam bidang pendidikan, dan mengasaskan Madrasah *Khitabul Wathan* (Mimbar Tanah Air) di bawah pimpinan Abdul Wahab dan Mas Mansur.

Hanya setelah Mas Mansur tampil sebagai Ketua Umum Pengurus Besar Muhammadiyah dalam Kongres Muhammadiyah ke – 29 yang berlangsung di Yogyakarta pada 1937, Muhammadiyah dikenali sebagai

sebuah bandar yang merupakan tempat diasaskan NU, iaitu organisasi yang berfahaman tradisional. Mas Mansur dilantik menjadi pemimpin tertinggi Muhammadiyah semasa berusia 41 tahun. Ini memberi dorongan kuat kepada golongan muda dalam Muhammadiyah untuk lebih cergas dengan pelbagai aktiviti mereka.

Mas Mansur dianggap seorang tokoh pembaharuan Islam yang mempunyai keperibadian khas dan boleh diterima oleh semua pihak. Sebagai pemimpin beliau selalu mendahulukan kewajipan dan tidak pernah menuntut haknya. Mas Mansur juga turut berperanan dalam perjuangan mendapatkan kemerdekaan Indonesia. Pemikiran Mas Mansur dapat dilihat dalam pelbagai ucapan dan tulisannya, baik mengenai ibadah mahupun muamalah.

Pemikiran selalu merujuk kepada dua sumber utama Islam iaitu Quran dan Hadis. Beliau juga merujuk kepada perjalanan sejarah umat Islam dan umat manusia umumnya.

→ PEMIKIRAN MAS MANSUR

Pada 1926 Mas Mansur telah mencabar para ulama di Indonesia dan di luar Indonesia untuk memberi jawapan kepada lima soalan, iaitu: 1. Apakah agama? 2. Apakah ibadah? 3. Apakah sabilullah? 4. Apakah dunia? dan 5. Apakah qiyas? Hj. Ahmad Azhar Basyir MA, menyatakan bahawa lima pertanyaan ini dapat dijawab secara menyeluruh dalam Mukhtamar Tarjih Muhammadiyah pada 1955 yang diadakan di Yogyakarta (Ahmad Azhar 1992, 7). Hampir tiga dekad diperlukan untuk mencari jawapan kepada lima soalan itu. Di sinilah dirasakan kepentingan pemikiran Mas Mansur. Pemikirannya dibentangkan pada masa penjajahan Belanda di Indonesia.

Berikut ini diuraikan dan dijelaskan beberapa pemikiran Mas Mansur yang disarikan dari pelbagai ucapan, ceramah dan beberapa tulisan beliau yang tersebar di pelbagai majalah seperti *Asil*, *Aliran Baroe*, *Soeara MIAI* dan *Soeara Moeslimin*.

Pemikiran Mas Mansur dapat diklasifikasikan kepada tema-tema seperti: 1. Agama-ukhrawi, 2. Falsafah, 3. Masyarakat duniawi, 4. Kenegaraan. Kategori ini subjektif sekali sifatnya. Sebelum ini Amir Hamzah, salah seorang aktivis dan pemikir muda Muhammadiyah dari Jawa Timur, mengkategorikan pemikiran Mas Mansur ke dalam dua kategori iaitu 1. Agama dan Falsafah, dan 2. Pergerakan masyarakat.

Ciri utama gagasan pemikiran Mas Mansur boleh dikatakan lahir dari

mengharap kesenangan dengan tidak bersusah payah dahulu, meminta keuntungan dengan tidak menaruh modal dan mencita-citakan kejayaan tapi takut melepaskan jiwa. (Amir Hamzah 1986, 16)

Pemikiran Mas Mansur itu sejalan dengan Quran surah al-Baqarah ayat 214, yang ditafsirkan oleh Ibnu Abbas bahawa hidup di dunia adalah hidup yang penuh dengan bala dan ujian. Terjemahan ayat 214 ini adalah berikut:

Ataukah kami kira bahawa kamu akan masuk ke dalam surga, padahal belum datang kepada kamu [cabaran] seumpama yang pernah datang kepada orang yang telah lalu sebelum kamu: telah menimpa kepada mereka kesusahan, kecelakaan dan digoncangkan mereka, sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman besertanya: “Bilakah pertolongan Allah?” “Ketahuilah Sesungguhnya pertolongan Allah itu amat dekat. (Hamka 1983, 187)

Berpandukan pemikiran Mas Mansur itu kita dapat menyatakan bahawa beliau telah berusaha agar ayat-ayat Quran menjadi suatu amal yang nyata. Dalam hubungan ini nampaknya Mas Mansur banyak belajar dari kiai Haji Ahmad Dahlan, sebagaimana yang diakui oleh beliau sendiri:

Saya masih ingat kupasan beliau [Kiai Haji Ahmad Dahlan] yang sangat mengherankan saya yakni ketika menerangkan ayat “Aroaitalladzie yukaddziibid-dien” yang artinya “Apakah engkau telah melihat atau tahu akan orang-orang yang mendustakan agama?”

Kata beliau: “Untuk mengetahui sifat-sifat orang yang demikian ini marilah kita cuba mengumpulkan ayat-ayat yang bersangkutan dengan itu. Apabila sudah dapat, apakah kita merasa pandai menetapkan sifat-sifat mereka. Sering dalam menyelidiki hal ini kita menemui beberapa sifat yang bermacam-macam yang dapat menjadi perselisihan di antara kita. Apakah tidak lebih patut kita minta tahu saja kepada Tuhan tentang hal itu? Alhamdulillah sudah ada, iaitu lanjutan ayat yang tadi “fadzalikalladzi yadu’ulyatiemenz.” Yang ertinya. “Itulah orang yang menyia-yiakan akan anak yatim dan tiada memperhatikan akan makanan orang-orang miskin.”

Apabila demikian saja tentu banyak orang yang menyangkal atau menyatakan bahawa mereka tidak masuk golongan orang-orang yang mendustakan agama itu dengan alasan [bahawa] mereka sudah sembahyang setiap waktu. Akan tetapi Allah sudah tahu bahawa ini akan dijadikan alasan. Dari itu disambung ayat yang tadi: “Maka mereka wajiblah bagi mereka...”

AGAMA-UKHRAWI

Mas Mansur dikenal sebagai seorang ulama yang memiliki perbendaharaan ilmu yang dalam dan luas. Sebagai seorang tokoh pembaharuan pandangan beliau banyak bersandarkan kepada Quran dan Sunnah. Beliau menyeru umat Islam supaya membebaskan diri daripada taqlid, menghapuskan bidaah dan membuka pintu ijtihad.

Mas Mansur mempunyai pandangan yang berbeza daripada ayahnya sendiri. Contohnya, dalam suatu pertemuan Nahdlatul Wathan pada tahun 1917 terjadi perdebatan tentang : “Bolehkah jenazah orang Islam dibawa ke kubur dengan kereta yang ditarik kuda?” Umumnya ulama masa itu, termasuk Kiai Mas Marzuki, ayah Mas Mansur, memandangnya sebagai tidak boleh. Dengan tegas Mas Mansur berpendapat bahawa kerana tidak ada dalil melarang membawa jenazah orang Islam ke kubur dengan kereta kuda, maka perbuatan itu boleh saja dilakukan asal tidak menyebabkan hina dan rosaknya jenazah (Soebagijo 1982, 22 – 23). Sekarang ini merupakan hal yang lumrah atau biasa di mana jenazah dibawa ke kubur dengan kereta, bukan sahaja dengan kereta kuda.

Ketika Mas Mansur ditanya: “Apakah yang paling penting dalam Islam?” Beliau menjawab: “Salat [Solat atau sembahyang] yang khushyuk” (Soebagijo 1982, 167). Di antara alasan-alasan yang beliau kemukakan ialah:

Di dalam pergaulan kita para manusia, telah terbukti, bahawa apabila dipanggil menghadap pembesar dan akan diajak berbicara, sudah entu dia merasa bergembira dan bangga dan ingin sekali supaya lama-lama pembicaraannya, sebab yang demikian itu menunjukkan akan senang dan ridhonya pembesar tadi. Demikianlah sembahyang bagi orang yang khushyuk merasa dia menghadap Tuhannya dan berbicara di hadiratnya.

Orang yang bersembahyang masuk di dalam garis orang yang beragama Islam. Akan tetapi kalau hanya mementingkan bentuk dan caranya saja, kemudian sudah merasa melunaskan kewajibannya, sudah tentu tidak akan berbuah di dalam budi dan bathinya, [sulit kiranya dia] akan menuntut kehormatan dunia akhirat. Oleh kerana itu tiap-tiap bersembahyang harus dengan khushyuk melakukannya. Ringkasnya jawapan pertanyaan tadi ialah Sembahyang dengan khushyuk (Mas Mansur 2603).

Boleh jadi jawapan ini dianggap remeh, tetapi dengan analisis Mas Mansur yang demikian jauh akan terasa sekali kebenarannya. Sebab solat merupakan salah satu tiang agama, tiang seri Islam. Selain itu solat akan dapat mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan munkar.

segala cabaran hidup betapapun besar dan lamanya, dengan sikap tabah dan jiwa yang tegas. Hal demikian ini jelas apabila seseorang itu mengkaji huraian Mas Mansur berikut ini:

Tempat sembahyang kita dinamakan masjid artinya tempat sujud, mengapa tidak dinamakan maqam: tempat berdiri atau marka: tempat rukuk, malah dinamakan masjid tempat bersujud? Sebabnya ialah kerana sujud itu adalah suatu perbuatan merendahkan diri kepada Tuhan yang Maha Kuasa dengan memakai perkataan “Subhana Robbiyal A’la”, memaha sucikan Allah yang Maha Tinggi, pun ketika itulah datang ketenangan dalam jiwa kita (Mas Mansur 1939).

Doa nampaknya menduduki bahagian yang penting dalam pemikiran Mas Mansur dalam tema keagamaan. Hal ini dapat dijelaskan melalui beberapa alasan berikut.

Pertama, manusia diciptakan menurut gadak dan qadar Allah. Tidak ada makhluk yang dapat lepas dari qadak dan qddar Allah. Niat dan hasrat hati manusia tidak akan terjadi sekiranya Allah tidak menghendakinya. Manusia wajib percaya dengan qadak dan qadar Allah. Apabila diperintahkan untuk berdoa dan memohon kepada Allah, maka perintah itu penting ditunaikan supaya niat atau hasrat manusia itu dikehendaki oleh Allah.

Kedua, manusia tidak diberitahu tentang qadar dan qadarnya. Manusia dapat menyaksikan fenomena gadak qadar melalui Sunnah Allah yang berlaku di dunia. Hal ini bererti manusia yang sedar tentang qadak dan qadar Allah tidak akan lalai untuk memohon pertolongan daripada Allah.

Ketiga, ada hikmah yang tersembunyi di dalam qadak dan qadar itu. Hikmah tersebut ialah bahawa “suratan Allah yang terkandung di dalam qadak dan qadar-Nya banyak tergantung kepada permohonan makhluk-Nya yang [berdoa] sungguh-sungguh dengan hati yang hening” (Soebagijo 1982, 159). Dalam kaitan ini patut dikaji mutiara-mutiara kata yang diketengahkan oleh Mas Mansur:

Hikmah itu ialah: suratan Allah yang terkandung dalam Qada dan QadarNya itu banyaklah yang tergantung kepada permohonan makhluknya yang sungguh-sungguh dengan hati yang hening.

Umpamanya, si fulan ditakdirkan dalam Qada dan QadarNya mendapat sengsara, tetapi jika dia bermohon dengan sungguh-sungguh kepada Allah akan selamatnya [dia] dari kesengsaraan itu, maka akan seiamatlah dia daripadanya.

Makbulnya permohonan makhluk sebenarnya sudah juga terkan-

FALSAFAH

Menurut beberapa orang anggota dan pemimpin Muhammadiyah, Mas Mansur lebih sesuai bila tampil sebagai seorang ahli falsafah. Pendapat ini sejalan pula dengan apa yang diutarakan oleh Ahmad Syafii Maarif, salah seorang pemikir muda Muhammadiyah yang tampil secara vokal dan menyakinkan.

Sebenarnya bila dilihat dari latar belakang pendidikan dan pengalaman, Mas Mansur punya kemampuan untuk menjelaskan posisi pemikirannya terhadap seluruh sistem Islam secara lebih formatif hingga generasi berikutnya akan punya pegangan yang lebih kokoh untuk meneruskannya. Tapi rupanya kesibukannya dalam Muhammadiyah pada masa penjajahan telah menyita waktunya yang berharga untuk menangani tuntutan-tuntutan praktis organisasi khususnya dan perjuangan bangsa pada umumnya. Waktu berpikir kontemplatif telah dikuras oleh tuntutan praktis perjuangan ummat (*Amir Hamzah* 1986, 5).

Mas Mansur telah menuliskan beberapa pandangan falsafahnya, seperti falsafah ketuhanan. Dalam hal ini Mas Mansur membuat dua kategori besar falsafah ketuhanan. Pertama, falsafah ketuhanan yang mendakwa mengetahui hakikat Allah. Di sini manusia menggunakan kebebasan fikiran yang seluas-luasnya dalam mencari dan mengetahui Allah. Dengan kebebasan yang dimilikinya, sering para penganut fahaman ini terjerumus ke dalam pemikiran *wahdatul wujud*, dengan menyakini bahawa Allah terjelma dalam segala benda. Dengan kata lain, di manapun dan di dalam benda apapun, Tuhan ada di situ. Fahaman seperti ini nampaknya dianuti oleh Ibnu Arabi. Mas Mansur berjaya memberikan kritikan yang tajam terhadap fahaman *wahdatul wujud* yang dianggap menyimpang dari ajaran Quran dan Hadis (*Soebagijo* 1982, 25).

Salah seorang pemimpin Indonesia yang menganuti fahaman *wahdatul wujud* adalah Soetomo, seorang kawan rapat Mas Mansur. Soetomo secara terbuka telah mendedahkan fahaman *wahdatul wujud* yang menjadi pegangannya dalam suatu dialog dengan Mas Mansur.

Soetomo menyatakan:

Betul demikian keyakinan saya kyai”, katanya [Soetomo] “Menurut filsafat saya, kita manusia ini ialah penjelmaan Tuhan yang paling akhir, yang kemudian harus lansung kembali menjadi aslinya, menjadi zat Tuhan yang mula-mula. Supaya kita dapat kembali dengan lansung menjadi Dia, hendaklah dia me-makaikan sifat-sifat Tuhan yang paling akhir.” (*Mas Mansur* “Dinamika”)

bahyang, filsafat itulah yang menyebabkan beliau tidak mementingkan segala upacara ibadat. Hanya beliau suka bersemedi, merasakan nikmat ketenangan kembali. Terhadap sesama manusia Dokter Soetomo berpendirian. Aku – dia, dia – aku. aku dan dia satu dalam hakekat, yakni penjelmaan Tuhan yang sadar. Dari itu aku harus menolong menyadarkan aku yang belum sadar. Aku harus berbuat baik kepada diriku. Itulah yang menyebabkan beliau sangat peramah dan pemurah, menyebabkan halus dan tinggi budi pekertinya. Tiap-tiap orang merasa tertarik dan dicintainya dan sangat mengherankan ialah masing-masing orang [merasa] lebih dicintainya dari yang lain. (Mas Mansur, “Biografi.....”).

Mas Mansur berpendapat bahawa Falsafah pegangan Soetomo merugikan diri Soetomo sebagai pengasas Budi Utomo, nama salah satu organisasi beraliran nasionalis di Indonesia.

Dahulu ketika beliau [Soetomo] menyamakan Digul [tempat pembuangan para pejuang kemerdekaan Indonesia] dengan Mekkah adalah disebabkan filsafat beliau yang tidak membedakan akan segala keadaari. Bahkan bagi beliau Digul itu lebih baik, kerana orang mendatanginya dengan pengorbanan dan putus asa dalam berjuang, sedang [ke] Mekkah orang (datangnya dengan perbekalan yang cukup, serta hati yang gembira. (Mas Mansur, “Biografi.....”).

Falsafah ketuhanan yang kedua mendakwa tidak tahu akan hakikat Tuhan. Ertinya, dalam usaha mencari dan mengetahui hakikat Allah, manusia tidak membebaskan fikirannya. Dalam hal ini, manusia percaya bahawa Allah itu ada, tetapi bila ditanya tentang zat-Nya, dia akan menjawab tidak tahu. Lebih lanjut faham yang kedua ini dapat dibezakan lagi menjadi dua.

1. Tidak tahu hakikat Allah dan kemudian ingkar kepada tuntutan Allah.
2. Tidak tahu hakikat Allah tetapi patuh dan taat sepenuhnya dengan perintah dan larangan Allah.

Dalam hubungan ini, Mas Mansur menganut fahaman yang kedua, iaitu b di atas. (Soebagijo 1982, 25).

Para penganut falsafah ketuhanan ini seringkali beralih pandangan atau pedoman setelah melalui proses renungan yang mendalam dan lama. Ini dijelaskan oleh Mas Mansur:

Setelah kita perhatikan nyatalah bahawa filsafat yang pertama, filsafat “tahu” itu ialah filsafat yang bersedia kepada kemerdekaan pikiran yang kemudian terpaksa tertumbuk kepada keragu-raguan, seperti falsal kenirwanan di dalam [agama] Buddha, sehingga banyak dari orang yang memakai filsafat itu masuk kepada falsafah kedua, falsafat “tidak tahu” seperti Mas Mansur. Falsafah kedua

MASYARAKAT – DUNIAWI

Mas Mansur memahami benar konsep manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Hal ini dapat dilihat daripada pandangannya bahawa manusia dengan akal yang dianugerahkan Allah harus dapat memanfaatkan sebaik-baiknya segala apa yang ada di alam semesta ini untuk kemaslahatan hidupnya. Menurut Mas Mansur, segala yang ada di daratan, lautan, dan semesta langit baik berupa tumbuh-tumbuhan, bahan galian, haiwan-haiwan di daratan dan lautan yang luas tak bertepi, diciptakan Allah untuk mencukupi keperluan hidup manusia dalam rangka mengabdikan kepadanya. Inilah yang merupakan tugas manusia yang sebenarnya, yang harus diasuh dengan sebaik-baiknya (Soebagijo 1982, 147).

Dalam pemikiran Mas Mansur, setiap makhluk bernyawa telah digariskan oleh Allah akan mengalami atau menerima alamnya masing-masing. Demikian pula halnya dengan umat manusia yang secara fitrah akan dan pasti mengalami 4 tahap kehidupan atau alam, yakni alam arwah, alam dunia, alam berzakh, dan kelak alam akhirat. Manusia wajib mempelajari dan mengeti alam yang menjadi bahagiannya (Soebagijo 1982, 160-161). Dengan memahami alam yang menjadi bahagiannya, manusia akan sedar akan peranan yang diasuhnya, serta akan berhati-hati dalam gerak langkahnya, dan sudah semestinya bila manusia akan menempuh jalan yang sesuai dengan petunjuk Allah.

Menanggapi kemunduran umat Islam, Mas Mansur menilai sebab-sebabnya seperti sistem pendidikan Islam yang ada terlalu memberikan penekanan kepada nilai ukhrawi. Menurut Mas Mansur, memang sekitar 80 peratus ayat-ayat Quran membahas masalah ukhrawi, dan bakinya yang 20 peratus saja yang mengupas masalah duniawi. Hal ini sejalan dengan peranan Khalifah yang disandang manusia. Sayangnya hal ini difahami secara keliru oleh majoriti para ulama. Mereka hanya menekankan pentingnya kehidupan akhirat dan meremehkan kehidupan duniawi. Hal ini yang membawa kesan negatif dalam kehidupan duniawi masyarakat Muslim. Inilah yang dinyatakan oleh Mas Mansur:

Sebagaimana yang telah kita katakan tadi, bahawa 80% dari kandungan al Qur'an adalah tertuju menganjurkan keakhiratan. Kalau begitu masih ada kandungan yang lain lagi daripadanya yang disi oleh ketinggalannya ialah yang 20% lagi. Pendidikan dan tujuan apakah sudah yang harus dikandung oleh yang 20% itu???... kerana apa yang dikandung oleh yang 20% ini telah kita tinggalkan. Kita telah memalingkan diri dari padanya (Mas Mansur, 1940).

Sebagai jalan keluar kepada masalah tersebut, menurut Mas Man-

mengadakan: "... pendidikan [yang] cinta kepada perasaan dan per-bendaharaan dunia yang memang Allah telah berikan kepada kita" (Soebagijo 1982, 153). Lebih jauh Mas Mansur menunjukkan betapa pentingnya peranan pendidikan:

Perguruan menyiapkan kekuatan tiap-tiap golongan bangsa yang akan berjuang dan bekerja untuk keluhuran bangsa. Dari perguruan asalnya ahli negara, insinyur [jurutera], hakim, opsir, saudagar, guru, pendeknya segala tiang-tiang masyarakat.

Perguruan adalah jantung pusat peredaran darah keperluan hidup masyarakat perguruan dalam usaha pembentukan masyarakat baru. Sifat perguruan menetapkan sifat masyarakat baru. Sifat perguruan menetapkan sifat masyarakat yang akan datang (Mas Mansur, 1945).

KENEGARAAN

Dalam masalah kenegaraan, Mas Mansur berpegang teguh dengan konsep bahawa dalam Islam tidak ada pemisahan di antara politik dan agama. Beliau mengibaratkan pertautan di antara politik dan agama itu seperti gula dengan manis yang tidak akan pernah dapat dipisahkan satu sama lain atau dua sisi dari mata wang yang sama. Lebih jauh, dia menilai bahawa umat Islam melakukan "pengkotakkotakkan" di antara politik dan agama di mulai sejak jatuhnya kekuasaan Islam di Andalus. Hal ini disebabkan umat Islam tidak memahami politik secara baik (Soebagijo 1982, 36). Dengan demikian nampaklah sikap tegas Mas Mansur yang menolak konsep sekularisme yang ditawarkan oleh Barat, yang berhasil memisahkan agama dari politik sebagai konsekwensi logik dari sejarah Eropah.

Dalam masyarakat moden, peranan bank amat penting. Mas Mansur menulis mengenai "Kedudukan Bank di dalam Islam". Di antaranya dinyatakan begini:

Sedang hukumnya terang-terangan haram. Sedang keadaan terang-terang memerlukan. Jika tidak, kita terdesak surut ke belakang. Jika tidak, kita kalah surut ke bawah. Mata kita sebagai saksi. Keadaan sebagai bukti (Mas Mansur, 1937).

Sebelum memberikan kata akhir mengenai hukum bank, Mas Mansur mengemukakan kaedah usul Fiqah: "Haram tapi diperkenankan, dimudahkan, dimaafkan selama keadaan memaksa akan adanya" (Mas Mansur 1937).

Waktu sekarang nyata sekali perbezaan nasib dan tanggungan kita dengan ummat dahulu yang telah mulia dan tinggi. Kita telah jatuh kepada golongan ummat yang terhina dan rendah, tiada bererti suatu apapun bila diperbandingkan dengan ummat yang lain-lain. Padahai.... Qur'an masih tetap terpegang di tangan kita. Qur'an yang tiada berubah-ubahh sepatuh atau seayatpun (Mas Mansur 1938).

Untuk mencari sebab lahirnya keadaan yang memprihatinkan ini, Mas Mansur mengajak umat Islam untuk menyelidiki diri masing-masing dan bukan menyelidiki kelemahan Quran, yang menjadi pedoman utama umat Islam. Dengan pelbagai perumpamaan yang cukup sistematik Mas Mansur mengatakan:

... Qur'an tiada dapat mempengaruhi kepada pergaulan dan budi pekerti ummat yang sekarang, lantaran terbungkusnya iradah dan kemauan, di bungkus oleh pengaruh-pengaruh tadi, timbul ketakutan menentang bahaya, timbul gentar menghadapi kematian. Dapat pula kita keputusan [sic.], bahawa umat dahulu tunduk dengan segenap hati kepada Qur'an,... mencintai Tuhan melebihi cinta pada kepada diri dan harta bendanya. Semua itu lantaran iradat mereka, bersih dari pada segala pengaruh, suci daripada halangan dan rintangan hidup ... (Mas Mansur, 1354 H. 1935).

Sekalipun Mas Mansur belum memiliki konsep kenegaraan secara terperinci, tetapi beliau merujuk kepada masyarakat Madinah pada waktu yang dipimpin oleh Nabi Muhammad saw sebagai masyarakat ideal yang harus dicapai oleh umat Islam pada setiap tempat dan masa. Alasan utama yang diberikan mengenai rujukan tadi adalah masyarakat Madinah masa itu merupakan masyarakat yang sesuai dengan kehendak Allah, iaitu masyarakat yang mengharmoniskan kehidupan duniawi dan ukhrawi (Soebagijo 1982, 36).

PENUTUP

Ada baiknya sebagai penutup disajikan sebahagian pengantar yang diketengahkan oleh Amir Hamzah Wirjosukarto yang dengan serius dan terus menerus cuba mengkaji ajaran-ajaran Mas Mansur. Antara lain beliau menuliskan berikut ini:

Sebagai tokoh pembaharu dalam kalangan Islam, kami melihat empat hal yang menonjol dari langkah-langkah [Mas Mansur]. Pertama, sebagai ulama langkah [Mas Mansur melahirkan dan] membenahi Majelis Tarjih dan tubuh organisasi

lahirnya wadah persatuan umat yang amat pentingnya peranannya dalam sejarah Masyumi. Yang keempat, [sebagai] politikus, beliau mempunyai peranan penting dalam melahirkan partai politik Islam bersama-sama Dr. Soekiman Wirjosandjojo dan Ki Bagus Hadikusumo. Dalam Forum Majelis Rakyat Indonesia, di mana berkumpul wakil-wakil separuh pergerakan rakyat (tahun 1941) yang menghendaki Indonesia Berparlemen, beliau tetap ngetop [memimpin]. Kalau beliau bersedia, sudah dipilih menjadi Ketua Majelis tersebut (Amir Hamzah 1986, W., viii-ix).

RUJUKAN

- Ahmad Azhar Basyir. 1992. Sunnah Rasul SAW Mutlak Diperlukan. *Suara Muhammadiyah*, No. 7/77.
- Ahmad Syafii Maarif. 1987. *Islam dan Masalah Kenegaraan Studi tentang Percaturan dalam Konstituante*. Jakarta: LP3ES.
- Ahmad Syafii Maarif. Kiai Haji Mas Mansyur: Manusid dengan dimensi Ganda. Amir Hamzah Wirjosukarto (ed.). 1982. *Pemikiran K.H. Mas Mansyur Pemikiran Tentang Islam dan Muhammadiyah*. Yogyakarta: Hanindita.
- Bung Karno dalam Muhammadiyah. [t.t.] *Makin Lama Makin Lama Makin Tjinta Muhammadiyah Setengah Abad 1912-1962*. Djakarta: Deppen.
- Deliar Noer. 1980. The Modernist Muslim Movement in Indonesia 1900-1942, alih bahasa D. Noer. *Gerakan Moderen Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES.
- Hamka. 1983. *Tafsir al Azhar*. I dan II, Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Mas Mansur. Agama Islam. *Soeara Muslimin Indonesia*, No. 2. Th. I, Desember 2603.
- _____. [t.t.] Biografi dr. Soetomo Masih Tersembunyi.
- _____. [Th. 26031 Filsafat Doa. *Soeara MIAI*, No. 3-4.
- _____. 1937. Kedudukan Bank dalam Islam. *Siaran*, No. I, 1 Maret.
- _____. 1939. Kedudukan sholat dalam Islam. *Penganjur*, No. 8, Th. III, Oktober.
- _____. 1354 H. (1935). Khutbah Iftitah dalam *Almanak Muhammadiyah*.
- _____. 1938. Menjelaskan filsafat ketuhanan. *Adil*, No. 45, th. VI. 13 Agustus.
- _____. 1945. Perjalanan dalam Perguruan. *Indonesia Merdeka*, No. 4, 10 Juni.
- _____. 1940. Sebab-sebab Kemiskinan Rakyat Indonesia. *Adil*, No. 32 dan 33, Th. VIII, 16 dan 18 Mei.
- Soebagijo I.N. 1982. *K.H. Mas Mansur Pembaharuan Islam di Indonesia*. Jakarta: Gunung Agung